

Abu Jahal ketika dia dalam keadaan nyawa-nyawa ikan pada hari Badar. Kata Abu Jahal: “Tidak ada orang semulia orang yang telah kamu bunuh ini!”<sup>45</sup>

٣٩٦٢ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ التَّيْمِيُّ أَنَّ أَنَسًا حَدَّثَهُمْ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
ح و حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ عَنْ سُلَيْمَانَ التَّيْمِيِّ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ  
يَنْظُرُ مَا صَنَعَ أَبُو جَهْلٍ فَانْطَلَقَ ابْنُ مَسْعُودٍ فَوَجَدَهُ قَدْ ضَرَبَهُ ابْنَا عَفْرَاءَ حَتَّى بَرَدَ قَالَ أَأَنْتَ أَبُو جَهْلٍ قَالَ فَأَخَذَ بِلَحْيَتِهِ قَالَ  
وَهَلْ فَوْقَ رَجُلٍ قَتَلْتُمُوهُ أَوْ رَجُلٍ قَتَلَهُ قَوْمُهُ قَالَ أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ أَنْتَ أَبُو جَهْلٍ

3962- Ahmad bin Yunus (Ahmad bin `Abdillah bin Yunus al-Yarbu'i al-Kufi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair (bin Mu'aawiah al-Ju'fi) meriwayatkan

*mulu sai 14*

<sup>45</sup> Ini ialah terjemahan kata-kata Abu Jahal هَلْ أَعَمَدُ مِنْ رَجُلٍ قَتَلْتُمُوهُ. Kata al-Qasthallaani dan as-Sindi: أعمد القوم bererti سيدهم (ketua kaum). Di dalam riwayat 3962 daripada Anas Abu Jahal dilaporkan berkata: وَهَلْ فَوْقَ رَجُلٍ قَتَلْتُمُوهُ أَوْ رَجُلٍ قَتَلَهُ قَوْمُهُ (Tidak ada orang mengatasi orang yang telah kamu bunuh ini. Atau katanya: Tidak ada orang mengatasi orang yang telah dibunuh oleh kaumnya ini). Dan di dalam riwayat 3963, juga daripada Anas, Abu Jahal dilaporkan beliau sebagai berkata: وَهَلْ فَوْقَ رَجُلٍ قَتَلَهُ قَوْمُهُ أَوْ قَالَ قَتَلْتُمُوهُ (Tidak ada orang mengatasi orang yang telah dibunuh oleh kaumnya ini. Atau katanya: orang yang telah kamu bunuh ini), iaitu sebalik daripada apa yang tersebut di dalam riwayat 3962. Ketiga-tiga ibarat itu lebih kurang sama ertinya. Apakah maksud sebenar kata-kata Abu Jahal ini? Para `ulama' hadits mengemukakan dua pendapat mengenainya. (1) Abu Jahal bermaksud menyatakan ketakaburan dan kebongkakannya apabila ia bertanya menggunakan ibarat استفهام انكاري (pertanyaan bukan dengan tujuan hendak tahu tentang apa yang ditanya, sebaliknya hendak menafikan adanya apa yang ditanya). Ma'na asalnya ialah adakah orang semulia orang yang telah kamu bunuh ini?! Erti tersiratnya ialah tiada. (2) Abu Jahal menyatakan ketiadaan rasa terhinanya kerana dibunuh oleh kaum sendiri. Pembunuhnya juga tidak seharusnya berasa bangga kerana telah membunuhnya. Untuk menguatkan maksud kedua ini Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan satu riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabirnya daripada `Amar bin Maimun. Di dalamnya tersebut Ibnu Mas`ud berkata kepada Abu Jahal: أي عدو الله! قد أخزأك الله Bermaksud: “Wahai musuh Allah! Allah telah menghinamu.” Ketika itu Abu Jahal menjawab: من رجل قتلته قومه Bermaksud: “Kenapa seorang yang dibunuh kaumnya terhina?!” Kata Hafiz Ibnu Hajar, menerusi riwayat ini dapat diketahui maksud Abu Jahal dengan kata-katanya itu. Maksudnya ialah tidak ada apa-apa keistimewaan kamu kerana telah membunuh aku dan aku juga tidak berasa terhina kerananya. Terbunuhnya seseorang oleh kaumnya sendiri adalah suatu yang lumrah. Ia bukan suatu yang menghinakan. Kata-kata Abu Jahal ini jelas menunjukkan betapa keras kepala dan bongkaknya orang yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai Fir'aun umat ini! Dalam keadaan nyawa-nyawa ikan itupun Abu Jahal masih lagi menganggap dirinya mengatasi dan melebihi orang lain.



kepada kami, katanya: Sulaiman (bin Tharkhan) at-Taimi meriwayatkan kepada kami, katanya: Anas menceritakan kepada mereka, katanya: Nabi s.a.w. bersabda; 'Amar bin Khalid (al-Harraani) juga meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair (bin Mu'aawiah) meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman at-Taimi daripada Anas r.a. katanya: Nabi s.a.w. bersabda: "Siapa boleh (pergi) tengok bagaimana keadaan Abu Jahal? Ibnu Mas'ud terus pergi. Beliau mendapatinya telah kaku<sup>46</sup> oleh tetakan dan tikaman dua orang anak lelaki 'Afraa'.<sup>47</sup> Sambil memegang janggut Abu Jahal beliau (Ibnu Mas'ud) bertanya: "Engkau Abu Jahalkah?" Kata Abu Jahal: "Tidak ada orang mengatasi orang yang telah

<sup>46</sup> Telah kaku adalah terjemahan penulis untuk perkataan برد . Antara ma'na perkataan ini ialah jadi sejuk, mati, tidak bersemangat, tidak tajam; kaku dan berada dalam keadaan seperti orang yang telah mati. Di dalam riwayat Muslim dan Musnad Ahmad bukan برد yang tersebut tetapi برك . Kalau برك maka ertinya ialah telah jatuh ke bumi atau telah rebah. Ketika menghuraikan perkataan برك Imam an-Nawawi menulis: "Demikianlah perkataan ini terdapat di dalam sesetengah nuskah (Sahih Muslim) برك dengan ك . Di dalam sesetengah yang lain pula برد dengan د . Kalau dengan ك ertinya ialah telah jatuh ke bumi. Kalau dengan د ertinya ialah telah mati. Kata Qadhi 'Iyaadh, riwayat jumhur (perawi) adalah برد , tetapi sesetengah perawi meriwayatkannya dengan ك (برك). Demikianlah kata Qadhi. Sekumpulan 'ulama' muhaqqiqin memilih riwayat dengan ك (برك)." Di dalam Fathul Baari Hafiz Ibnu Hajar menulis: "Di dalam riwayat as-Samarqandi untuk Sahih Muslim tersebut حتى برك yang bererti telah jatuh. Demikian juga di dalam riwayat Ahmad daripada al-Anshaari daripada at-Taimi. Kata Qadhi 'Iyaadh, riwayat ini lebih utama. Kerana ia masih boleh bercakap dengan Ibnu Mas'ud. Kalau ia telah mati bagaimana ia akan bercakap dengannya? Boleh jadi juga maksud kata-kata Ibnu Mas'ud حتى برد itu ialah ia telah berada dalam keadaan seperti orang yang telah mati, mengambil kira keadaan yang pasti akan berlaku kepadanya (باعتبار ما سينول إليه) . Kerana itulah terdapat di dalam simpulan bahasa 'Arab perkataan بوارد untuk سيوف (pedang-pedang). Lantaran ia mengandungi erti قوائل (senjata yang boleh membunuh atau menyebabkan kematian)."

<sup>47</sup> Yang dimaksudkan dengan dua orang anak lelaki 'Afraa' ialah Mu'aaz dan Mu'awwiz. Ayah mereka berdua ialah al-Haarits bin Rifaa'ah an-Najjaari. 'Afraa' binti 'Ubaid bin Tsa'labah an-Najjaariyyah adalah ibu mereka. Mu'aaz dan Mu'awwiz lebih dikenali dengan kuniah (nama panggilan) anak lelaki 'Afraa'. Menurut Mulla 'Ali al-Qari di dalam Mirqaat, Mu'aaz bin 'Amar bin al-Jamuh juga anak 'Afraa'. Beliau seibu dengan Mu'aaz dan Mu'awwiz anak al-Haarits bin Rifaa'ah. Mu'aaz bin 'Amar bin al-Jamuh dan ayahnya adalah antara sahabat yang telah ikut serta dalam perjanjian 'Aqabah dan peperangan Badar. Mu'aaz bin 'Amar bin al-Jamuh hidup hingga ke zaman pemerintahan Saiyyidina 'Utsman. Beliau tidak meninggalkan zuriat. Ayahnya 'Amar bin al-Jamuh pula telah mati syahid dalam peperangan Uhud.



kamu bunuh ini”. Atau katanya: “Tidak ada orang mengatasi orang yang telah dibunuh oleh kaumnya ini.” Kata Ahmad bin Yunus (dalam riwayatnya): “Engkau Abu Jahal”.<sup>48</sup>

٣٩٦٣ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عَدِيٍّ عَنْ سُلَيْمَانَ التَّيْمِيِّ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ بَدْرٍ مَنْ يَنْظُرُ مَا فَعَلَ أَبُو جَهْلٍ فَأَنْطَلَقَ ابْنُ مَسْعُودٍ فَوَجَدَهُ قَدْ ضَرَبَهُ ابْنَا عَفْرَاءَ حَتَّى بَرَدَ فَأَخَذَ بِلِحْيَتِهِ فَقَالَ أَنْتَ أَبَا جَهْلٍ قَالَ وَهَلْ فَوْقَ رَجُلٍ قَتَلَهُ قَوْمُهُ أَوْ قَالَ قَتَلْتُمُوهُ. حَدَّثَنِي ابْنُ الْمُثَنَّى أَخْبَرَنَا مُعَاذُ بْنُ مُعَاذٍ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ أَخْبَرَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ نَحْوُهُ

3963- Muhammad bin al-Mutsanna meriwayatkan kepadaku, katanya: Ibnu `Abi `Adi (Muhammad bin Ibrahim al-Bahsri) meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman a-Taimi daripada Anas r.a.<sup>49</sup> katanya: Nabi s.a.w. bersabda pada hari Badar, “Siapa boleh

<sup>48</sup> Tujuan Bukhari mengemukakan kata-kata gurunya Ahmad bin Yunus ini ialah untuk menyatakan perbezaan di antara riwayatnya dengan gurunya yang seorang lagi iaitu `Amar bin Khalid. Di dalam riwayat `Amar bin Khalid tersebut أَنْتَ dengan hamzah istifham (yang mengandungi erti pertanyaan) sebelum perkataan أَنْتَ. Sementara di dalam riwayat Ahmad bin Yunus, tidak ada hamzah istifham sebelum perkataan أَنْتَ.

<sup>49</sup> Hadits 3962 dan 3963 ini diriwayatkan oleh Anas bin Malik. Menurut sesetengah `ulama' ia termasuk dalam mursal sahabi. Mungkin beliau mendengar hadits ini daripada Ibnu Mas'ud sendiri atau daripada sahabat-sahabat lain atau beliau mendengarnya terus daripada Nabi s.a.w. Bagi mereka Anas tentunya tidak turut serta dalam peperangan Badar kerana umur beliau pada tahun kedua hijrah baru sebelas tahun. Alasan mereka antara lainnya ialah hadits Bukhari di dalam Sahihnya باب الوليمة حق, di mana tersebut di dalamnya Anas sendiri menceritakan bahawa ketika Rasulullah s.a.w. datang ke Madinah beliau berumur sepuluh tahun. Beliau berkhidmat kepada Baginda s.a.w. selama sepuluh tahun. Ketika Rasulullah s.a.w. wafat beliau berumur dua puluh tahun. Tetapi bagi penulis, riwayat ini tidak akan dapat bertahan di hadapan kenyataan bahawa Anas termasuk dalam salah seorang sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Uhud berdasarkan riwayat Imam Bukhari di dalam Sahihnya juga. Berhubung dengan penyertaan Anas dalam perang Badar juga masih terdapat perbezaan pendapat `ulama' tentangnya. Ibnu Sa'ad, Ibnu `Asaakir dan `Umar bin Syabbah dengan isnad masing-masing meriwayatkan daripada Tsumaamah, katanya: “Pernah Anas ditanya orang, adakah tuan turut serta dalam peperangan Badar? Jawab beliau: “Eh! Kenapa tidaknya!” Muhammad bin `Abdillah al-Anshari berkata: “Anas keluar bersama Rasulullah s.a.w. ke Badar. Ketika itu beliau masih kecil, untuk berkhidmat kepada Nabi s.a.w.” (Lihat az-Zahabi - Siyar A'laami an-Nubalaa' j.3 m/s 397). Setelah mengemukakan riwayat itu az-Zahabi berkata, pengarang-pengarang kitab-kitab Maghazi (Sirah) tidak membilanginya sebagai Ahli Badar kerana beliau menghadhiri Badar ketika masih kecil.” Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari menukulkan satu riwayat daripada Ahmad dengan sanad yang sahih bahawa Anas ditanya seperti tadi juga, adakah tuan turut serta dalam



(pergi) tengok bagaimana keadaan Abu Jahal?” Ibnu Mas’ud terus pergi. Beliau mendapatinya telah kaku oleh tetakan dan tikaman dua orang anak lelaki ‘Afraa’. Sambil memegang janggut Abu Jahal beliau (Ibnu Mas’ud) berkata: “Engkau Aba Jahal”<sup>50</sup> Kata

---

peperangan Badar? Jawab Anas: “Eh! Kenapa tidaknya!”. Perang Badar telah berlaku pada tahun kedua hijrah. Perang Uhud pula berlaku pada tahun ketiga hijrah. Pada tahun kedua hijrah, umur Anas kiranya baru sebelas tahun, mengambil kira pendapat yang masyhur di kalangan umum. Pada tahun ketiga pula beliau baru berumur dua belas tahun. Bagaimana pula budak yang baru berumur sebelas dan dua belas tahun dibenarkan oleh Rasulullah menyertai perang? Sedangkan Ibnu ‘Umar yang telah berumur tiga belas tahun tidak dibenarkan menyertai perang Badar. Ibnu ‘Umar juga setelah berumur empat belas tahun masih tidak dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. menyertai perang Uhud? Demikian juga dengan sahabat-sahabat lain yang belum menjangkau umur lima belas tahun pada ketika itu. Seperti Baraa’ bin ‘Aazib, Jaabir, Samurah dan lain-lain. Maka fakta sebenarnya bagi penulis ialah Ummu Sulaim menyerahkan Anas kepada Rasulullah s.a.w. untuk berkhidmat kepada Baginda s.a.w. paling tidak pun umur beliau pada ketika itu empat belas tahun. Untuk bukti penglibatan Anas dalam perang Uhud sila lihat Sahih Bukhari باب غزو النساء وقتالهن مع الرجال (Bab Perempuan Turut Berperang Bersama Laki-laki). Mengambil kira pendapat segolongan ‘ulama’ yang mengatakan Anas telah turut serta dalam peperangan Badar, riwayat 3962 dan 3963 ini tidak lagi menjadi mursal sahabi. Ia bahkan dikira sebagai riwayat berdasarkan penyaksian sendiri. Kalau diandaikan ia mursal sahabi sekalipun tetap juga ia menjadi hujah menurut kesepakatan para ‘ulama’ Ahli as-Sunnah wa al-Jama’ah.

<sup>50</sup> Berdasarkan sesetengah nuskah, di sini juga tertulis “Engkau Abu Jahal?” bukan Aba Jahal seperti dalam teks hadits 3963 dan terjemahannya yang diberikan di atas. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, yang betulnya ialah Aba Jahal, bukan Abu Jahal. Abu Jahal seperti tersebut di dalam sesetengah nuskah itu adalah hasil pembaikan (تصرف) sesetengah perawi yang merasakan penggunaan perkataan “Aba Jahal” salah menurut qaedah ilmu Nahu bahasa ‘Arab. Sebabnya ialah menurut qaedah الأسماء الستة المكبرة apabila berada dalam keadaan marfu’, rafa’nya ialah dengan و , bukan dengan ا . Menurut beliau, yang mu’tabar dan mu’tamad berhubung dengan riwayat Anas di atas ialah “Aba Jahal”. Orang-orang yang menukarnya kepada Abu Jahal itulah yang salah. Sebenarnya ada tiga alasan Hafiz Ibnu Hajar dalam mempertahankan riwayat Anas di atas. (1) Akan ada nanti di akhir bab ghazwah Badar (lihat باب شهود الملائكة بدرا) satu riwayat lain yang juga menyebutkan Aba Jahal. (2) Berdasarkan riwayat Ibnu ‘Ula’iyah daripada Sulaiman at-Taimi di bawah باب شهود الملائكة بدرا , Sulaiman dengan jelas mengatakan Anas menyebutnya “Aba Jahal”. Demikian juga disebutkan oleh Yahya bin Sa’id al-Qatthaan. Setelah adanya dua kesaksian daripada dua tokoh besar periwayatan hadits, tidak perlu lagi dihiraukan tindakan perawi-perawi yang datang kemudian. Jadi yang betulnya di sini ialah “Aba Jahal”, bukan Abu Jahal. (3) Penggunaan seperti di dalam hadits di atas “Aba Jahal” tidak harus secara mutlaq dikatakan salah menurut qaedah Nahu bahasa ‘Arab. Antara taujihat (jalan keluar berupa pandangan) yang diberikan untuk keharusan penggunaan seperti itu ialah: (a) Dengan mengi’rakan Aba Jahal sebagai munaada mahzuf haraf nida’nya. I’raab sepenuhnya ialah أنت mu’tada’ yang mahzuf khabarnya. Taqdir khabarnya yang mahzuf itu ialah مقتول (akan terbunuh). Sebelum perkataan Aba Jahal seharusnya ada haraf nida’ yang mahzuf. Taqdirnya يا . Aba Jahal adalah munaada manshub dengan haraf nida’ yang mahzuf itu. Dengan itu ayat (جمله) ini tidak



Abu Jahal: “Tidak ada orang mengatasi orang yang telah dibunuh oleh kaumnya ini.” Atau katanya: “orang yang telah kamu bunuh ini.” (Muhammad) Ibnu al-Mutsanna meriwayatkan kepadaku, katanya: Mu`az bin Mu`az (bin Nashr al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman meriwayatkan kepada kami, katanya: Anas meriwayatkan kepada kami hadits yang sama ma`nanya dengan hadits sebelum ini.

٣٩٦٤ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كَتَبْتُ عَنْ يُوسُفَ بْنِ الْمَاجِشُونِ عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ فِي بَدْرِ

يَعْنِي حَدِيثَ ابْنِ عَفْرَاءَ

3964- Ali bin `Abdillah (al-Madini) meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah tulis (hadits ini)<sup>51</sup> daripada Yusuf bin al-Maajisyun daripada Saleh bin Ibrahim daripada

akan jadi ayat pertanyaan (استفهامية) lagi. Terjemahan ayat itu berdasarkan i`raab ini ialah أنت مقتول (Engkau akan terbunuh hai Aba Jahal!). (b) Hafiz al-`Aini mengemukakan satu taujih yang lain untuknya. Kata beliau, taqdir kalam Ibnu Mas`ud itu ialah أنت تكون أبا جهل (Engkau tentunya Aba Jahal). Jadi Aba Jahal manshub kerana ia menjadi khabar تكون. Ayat (جملة) ini juga bukan merupakan ayat pertanyaan (استفهامية). (c) Ad-Daudi berpendapat, memang mengikut qaedah bahasa yang asal di sini sepatutnya dikatakan أبو جهل, tetapi Ibnu Mas`ud sengaja merosakkannya dengan mengatakan أبا جهل untuk menghina Abu Jahal. Berdasarkan taujih ad-Daudi ini juga kata-kata Ibnu Mas`ud itu bukan merupakan ayat pertanyaan (جملة استفهامية). (d) Sesetengah qabilah `Arab seperti Kinaanah dan lain-lain memang menggunakan الأسماء الستة المكبرة dengan ' dalam semua keadaan. Sama ada dalam keadaan rafa`, nashab atau khafadh. Penggunaan “Aba Jahal” oleh Ibnu Mas`ud itu adalah berdasarkan penggunaan sesetengah qabilah `Arab berkenaan. Antara contoh yang selalu dikemukakan sebagai dalil dan syahid oleh `ulama`-`ulama` Nahu dalam masalah ini ialah kata penyair: إِنَّ أَبَاهَا وَأَبَا أَبَاهَا \* قَدْ بَلَغَا فِي الْمَجْدِ غَايَتَاهَا Bermaksud: Sesungguhnya ayahnya dan ayah kepada ayahnya (datuknya). Kedua-dua mereka telah sampai ke puncak kemuliaan.

<sup>51</sup> Kata al-Kirmaani dan al-`Aini, perkataan saya telah tulis merupakan kinayah kepada saya telah dengar, kerana pada kebiasaannya mendengar adalah sesuatu yang lazim (mesti ada) bagi menulis sesuatu riwayat hadits daripada seseorang perawi. Kata Hafiz Ibnu Hajar, zahir sanad ini menunjukkan `Ali bin `Abdillah (al-Madini) tidak mendengar secara langsung hadits yang diriwayatkannya daripada Yusuf bin al-Maajisyun ini. Beliau hanya menulis (menyalin riwayat berkenaan mungkin daripada buku atau lain-lain catatan) Ibnu al-Maajisyun. Riwayat ini bagaimanapun telah berlalu di bawah Kitab al-Jihad الأسلاب secara maushul daripada Musaddad daripada Yusuf bin al-Maajisyun dengan panjang lebar. Untuk lebih jelas, elok rasanya penulis bawakan riwayat itu di sini: حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ الْمَاجِشُونِ عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ بَيْنَا أَنَا وَاقِفٌ فِي الصَّفِّ يَوْمَ بَدْرِ فَنَظَرْتُ عَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي فَإِذَا أَنَا بِغُلَامَيْنِ مِنَ الْأَنْصَارِ حَدِيثَةً أَسْتَأْنِيهِمَا تَمَنِّيْتُ أَنْ أَكُونَ بَيْنَهُمَا فَعَمَزَنِي أَحَدُهُمَا فَقَالَ يَا عَمَّ هَلْ تَعْرِفُ أَبَا جَهْلٍ قُلْتُ نَعَمْ مَا حَاجَتُكَ إِلَيْهِ يَا ابْنَ أَخِي قَالَ أَخْبَرْتُ أَنَّهُ يَسُبُّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَنْ رَأَيْتُهُ لَا يَفَارِقُ سَوَادِي سَوَادَهُ حَتَّى يَمُوتَ الْأَعْجَلُ مِنَّا فَتَعَجَّبْتُ لِذَلِكَ فَعَمَزَنِي الْآخَرُ فَقَالَ لِي مِثْلَهَا فَلَمْ أَتَسَبَّ أَنْ تَطَرْتُ إِلَى أَبِي جَهْلٍ يَجُولُ فِي النَّاسِ قُلْتُ أَلَا إِنَّ هَذَا